

06/04/2000

Nik Aziz perlu perjelas maksud kenyataan

Nasir Hassan

MENTERI Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, nampaknya terpaksa membuat penjelasan maksud kenyataannya yang tidak bersetuju Raja-Raja Melayu campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini.

Tujuannya berbuat demikian ialah untuk mengelakkan timbul tohmahan bahawa Pas tidak mahu kepada perpaduan, sebaliknya menggalakkan perpecahan terus menerus berlaku.

Pada firasat pemerhati politik, isu berkenaan akan memberi kesan negatif kepada Pas. Ia memperlihatkan kepada umum bahawa parti itu tidak menghormati Perlembagaan Negara yang meletakkan raja sebagai tunggak perpaduan rakyat.

Kenyataan Nik Aziz berhubung isu itu dianggap keras kerana beliau dilihat menolak usaha Raja-Raja Melayu untuk menyelesaikan isu perpecahan di kalangan umat Islam akibat perbezaan fahaman politik.

Ketika mengeluarkan kenyataan itu beliau menegaskan, jika Raja-Raja Melayu campur tangan dalam menyelesaikan isu itu, raja dianggap mencampuri urusan politik.

Sama ada disedarinya atau tidak, pemimpin tertinggi Pas itu memang menjawab pertanyaan pemberita ketika melawat kawasan kebakaran di Pondok Terusan, Pasir Tumbuh, dekat Kota Bharu pada 27 Mac lalu.

Beliau mengulangi kenyataannya yang pernah dikeluarkan pada suatu majlis ceramah Pas ketika kempen pilihan kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, sebelum itu yang tidak bersetuju pembabitan raja dalam menyelesaikan isu itu.

Sebaliknya, beliau menuduh perpecahan yang berlaku adalah berpunca daripada Umno yang didakwa membawa fahaman sekular dan bercanggah dengan ajaran Islam sebenarnya.

Nik Aziz berpendapat, tindak tanduk yang dilakukan Umno adalah lanjutan daripada fahaman Inggeris yang menyebabkan alim ulama menentangnya.

"(Campur tangan raja) Tak betul... kerana benda (perpecahan) ini salah Umno, sebab apa heret raja dalam masalah politik. Raja ni dia ada peraturan, ada tugas.

"Tak betul, dia (Umno) guna raja.. dan raja kalau dia buat juga, dia akan dituduh raja berpolitik pula. Pas tetap akan tuduh raja berpolitik jika dia menyelesaikan masalah ini," katanya.

Sebelum itu, Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu bersetuju untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat politik. Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Ketua Pengarah Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir membidas kenyataan Mursyidul Am Pas itu sambil menyifatkan kenyataan itu membuktikan parti itu sebagai jahil Perlembagaan Negara dan hal ehwal Islam. Beliau berkata kenyataan pemimpin tertinggi Pas itu bercanggah dengan tugas Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam dan tunggak perpaduan rakyat, khususnya orang Melayu.

Kenyataan Nik Aziz itu mungkin dilihat sesetengah pemerhati politik sebagai kenyataan politik, kerana menganggap campur tangan raja dalam isu berkenaan sama dengan campur tangan raja dalam isu lain, termasuk pembahagian baja subsidi kepada rakyat.

Beliau membuat perbandingan, jika raja boleh campur tangan dalam masalah

perpecahan di kalangan rakyat negara ini bermakna mereka boleh menegur Kerajaan Pusat yang didakwa enggan memberi baja subsidi kepada penyokong Pas. Ini menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menghabiskan RM3.5 juta setahun untuk membayar subsidi baja kepada rakyat Kelantan.

Pemimpin tertinggi Pas itu mempersoalkan apa yang mampu dilakukan oleh raja dalam menangani masalah itu. Beliau juga menyifatkan tindakan meminta Raja-Raja Melayu menyelesaikan masalah perpecahan itu seperti menyuruh raja melakukan sesuatu yang di luar bidang tugasnya.

Walau bagaimanapun Pas bulan September lalu bersama Keadilan dan DAP berarak di Kuala Lumpur untuk menyampaikan memorandum minta campur tangan raja-raja ketika menuduh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diracun. Ini tidak dianggapnya campur tangan raja-raja?

Sementara itu, Pemangku Ketua Umno Bahagian Tumpat, Mansor Saleh turut mengecam kenyataan Menteri Besar Kelantan itu yang menolak usaha Raja-Raja Melayu menyatupadukan semula perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini.

Beliau berkata penolakan itu jelas menunjukkan Pas kini berada dalam ketakutan akan kehilangan pengaruh dan kepercayaan penyokongnya terhadap perjuangan parti itu. Pas sudah jauh terpesong daripada ajaran Islam sebenar dan beliau mendakwa mereka menjadi punca umat Islam dan orang Melayu di negara ini berpecah.

"Sebab itu, apabila Umno meminta raja campur tangan, Pas menolak keras usaha itu dan menuduh raja terbabit dalam politik." Mansor berkata dalam tempoh 54 tahun penubuhan Umno, parti itu banyak meningkatkan syiar Islam yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan.

Mursyidul Am Pas itu dikatakan akan menjelaskan sikap dan pendiriannya berhubung isu itu pada perhimpunan perdana sempena solat hajat di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu, hari ini.

(END)